

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM**

**TARIKH : 22 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN NO. 37**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana perancangan Kerajaan untuk membina Lapangan Terbang Baru Melaka atau Menaiktaraf Semula Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM) bagi operasi kapasiti laluan domestik dan antarabangsa syarikat-syarikat penerbangan dapat ditingkatkan seiring dengan tumpuan Melaka sebagai tumpuan pelancongan utama Malaysia.

**JAWAPAN:**

Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka (LTM) adalah salah sebuah lapangan terbang domestik yang berperanan sebagai *feeder* kepada lapangan terbang antarabangsa yang lain di Malaysia. Walaupun LTM tidak dikategorikan sebagai lapangan terbang antarabangsa, ia masih boleh mengendalikan operasi penerbangan antarabangsa berjadual dan tidak berjadual seperti lapangan-lapangan terbang di Kuantan dan Ipoh. Namun, terdapat kekangan muatan bagi penerbangan yang menggunakan LTM disebabkan panjang landasan yang terhad.

2. LTM mampu menampung seramai 0.5 juta penumpang setahun setelah dinaik taraf dengan pembinaan Bangunan Terminal baharu pada tahun 2010. Naiktaraf berkenaan meliputi pemanjangan landasan sehingga 2,135 meter bagi membolehkan operasi pesawat Kod 4C (A320/B737) dengan kekangan had muatan (payload restriction).

3. Berdasarkan *National Airport Masterplan Study* yang dilaksanakan oleh MAHB pada tahun 2008, *ultimate plan* untuk LTM merangkumi pemanjangan landasan sehingga 2,135 meter sahaja dengan mengambil kira perancangan masa hadapan LTM serta anggaran kapasiti penumpang yang akan dikendalikan LTM.

4. Namun, pemanjangan landasan bagi operasi tanpa kekangan tidak dapat dilaksanakan kerana ia akan melibatkan kos yang tinggi bagi pengambilan semula tanah perumahan dan penjajaran semula jalan raya di hujung landasan sedia ada. Walau bagaimanapun, berdasarkan

unjuran terkini yang dibuat oleh MAHB, bangunan terminal LTM sedia ada telah direkabentuk untuk menampung keperluan 0.5 juta penumpang setahun (mppa) bagi pengendalian penumpang sehingga tahun 2053.

5. Infrastruktur sedia ada di LTM juga mampu untuk memenuhi kapasiti sebanyak 10 pergerakan pesawat sejam. Namun, mengikut rekod, LTM pada ketika ini hanya mengendalikan 4 pergerakan pesawat setiap jam.

6. Penularan wabak COVID-19 telah memberi kesan negatif terhadap industri penerbangan negara. Syarikat penerbangan dijangka memerlukan tempoh masa 3 tahun untuk pulih sepenuhnya dari impak wabak COVID-19, tertakluk kepada situasi semasa penularan wabak tersebut di dalam dan luar negara.

7. Dalam hal ini, bagi memastikan keperluan pembangunan jangka panjang lapangan terbang/padang terbang di Malaysia berdasarkan keperluan industri semasa mengambil kira impak COVID-19 dan keperluan sistem jaringan kesalinghubungan pengangkutan negara, Kementerian Pengangkutan akan melaksanakan kajian *National Airports Strategic Plan* (NASP) yang akan bermula pada tahun 2021.

8. Hal ini kerana Kementerian Pengangkutan bertanggungjawab untuk memastikan cadangan pembinaan lapangan terbang adalah *viable, sustainable* dan memenuhi keperluan teknikal yang ditetapkan oleh CAAM dan MAVCOM.

Sekian, terima kasih.